

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY  
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Perikatan Nasional terhadap usaha menyelamatkan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang terjejas ekoran COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 termasuk sektor penerbangan dan pengangkutan udara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Skim Jaminan Prihatin Danajamin (SJPD) menyediakan program pembiayaan bernilai RM50 bilion dengan jaminan sebanyak 80% ke atas pembiayaan bagi modal kerja syarikat. Namun demikian, kemudahan jaminan ini disediakan untuk manfaat kepada semua syarikat yang beroperasi di Malaysia dalam semua sektor termasuk sektor penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

2. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kerajaan tidak terlibat dalam apa-apa pelan menyelamatkan (*bail out*) mana-mana syarikat penerbangan komersial termasuk memberi pinjaman atau jaminan selaras dengan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 13 Oktober 2020.

3. Bagi mengatasi masalah kewangan Malaysia Airlines Berhad (MAB), Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.

Sekian, terima kasih.